





# BULETIN JKSM

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA  
(JABATAN PERDANA MENTERI)

ISSN-1511-7839

Bilangan 42 (Februari 2008 //Muharram-Safar 1429H)



**JKSM**  
di Perkampungan Hadhari  
**TERENGGANU**

## sidang redaksi

dari  
ketua  
pengarang

TERAS ETIKA PROFESSIONAL

### PENAUNG / PENASIHAT

Y.A.A. Datuk Haji Ibrahim bin Lembut  
Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie  
JKSM

### KETUA PENGARANG

Tuan Mohamad bin Haji Abdullah

### SIDANG PENGARANG

Tuan Mohd Amran bin Mat Zain  
Tuan Khairul Nizam bin Zainon  
Tuan Haji Nassir bin Hj. Abdul Aziz  
Tuan Haji Mohammad Adib bin Husain  
Tuan Adam bin Tumiran  
Tuan Mohd Asri bin Tahir  
Tuan Rozman bin Mat Sidek  
Encik Azmee Hj. Hussin

### PRODUKSI DAN EDARAN

Encik Mohamad Nor bin Abu Bakar  
Cik Zurain binti Zulkarnain

### JURUGAMBAR

Encik Anauar bin Hj. Idris  
En Nor Mahadi bin Awaluddin

Buletin ini diterbitkan oleh  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
Aras 2 & 3, Blok D7, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62677 PUTRAJAYA  
Tel: 03-8886 4800 Fax : 03-8889 1627  
Laman Web: [www.esyariah.gov.my](http://www.esyariah.gov.my)

Ciri-ciri yang dinyatakan berikut wajar dijadikan panduan yang dianggap sebagai teras "Etika Kerja Professional".

#### a. Cemerlang

Seorang yang bekerja dengan cemerlang tidak akan bekerja dengan sambil lewa. Kerja dan tugas sehariannya tidak akan dianggap sebagai satu bebanan atau sebagai satu rutin yang membosankan. Kerja yang perlu dilaksanakannya akan dilakukannya dengan bersungguh-sungguh, tidak sekadar "melepaskan batuk di tangga". Prestasi kerjanya akan sentiasa tinggi. Jika dia menemui kesulitan semasa melaksanakan tugasnya, dia akan terus berusaha mencari jalan mengatasi atau menyelesaikan masalah itu. Dia tidak mudah patah hati atau mengaku kalah.

Untuk mencapai tahap kecemerlangan, seorang pekerja itu mesti ada disiplin diri. Mereka yang mempunyai disiplin diri boleh bekerja dengan baik dalam semua keadaan.

#### b. Sikap Berinisiatif

Pekerja yang mempunyai sikap berinisiatif adalah mereka yang melakukan usaha atau sesuatu sebelum dipaksa oleh keadaan atau diarah melakukannya. Sesuatu kerja itu perlu dilakukan dengan tekun dan teliti untuk mengelakkan berlakunya kesilapan. Kesilapan dalam melakukan pekerjaan memanglah boleh dimaafkan tetapi jika dilakukan berulang kali akan menimbulkan masalah kepada diri sendiri dan orang lain.

Setiap pekerja mempunyai kebolehan tersendiri dalam bidang-bidang yang mereka ceburi. Oleh itu mereka yang beretika dalam kerjanya akan sentiasa giat berusaha untuk mengembangkan syarikat di mana mereka bekerja. Contohnya dalam bidang perniagaan pekerja akan berusaha untuk mengembangkan perniagaan syarikat dalam bidang-bidang baru seperti keluaran atau perkhidmatan yang baru.

#### c. Niat

Orang yang tidak mempunyai niat yang betul semasa bekerja tidak akan bekerja dengan baik. Orang itu tidak akan mempunyai komitmen terhadap kerja yang dilakukannya. Ramai orang yang bekerja tetapi tidak faham atau mengerti kenapa mereka bekerja selain daripada ingin menyara hidup.

Persepsi seorang pekerja itu terhadap kerjanya boleh disimpulkan dalam sebuah kisah pendek mengenai tiga orang pekerja binaan.

Apabila mereka ditanya :-

" Apakah yang sedang anda lakukan ini ? "

Jawapan mereka:-

Pekerja pertama berkata : "Saya sedang cari makan".

Pekerja kedua berkata : "Saya sedang membuat dinding".

Pekerja ketiga berkata : "Saya sedang membina sebuah bandar yang indah dan permat".

Antara tiga pekerja binaan ini, siapakah yang paling berminat dan komited terhadap kerjanya ? Pastilah pekerja yang ketiga. Orang yang ketiga ini lebih memahami tujuan kerjanya itu dan lebih komited terhadap apa yang dilakukannya. Seseorang yang ingin bekerja dengan baik mestilah bekerja dengan niat yang ikhlas tidak kerana ria, menunjuk-nunjuk, kerana terpaksa atau kerana tujuan lain. Kerja atau amalan yang kita lakukan bukan kerana niat yang betul akan mengurangkan kualiti kerja yang dilakukan.



## PERUTUSAN

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. di atas kudrat dan iradat-Nya juga, dapat kita meneruskan usaha membangunkan pengurusan institusi kehakiman syariah di negara ini.

Semua warga kerja JKSM perlu mengorak langkah dengan lebih pantas dengan kaedah mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan mengenai bidang tugas masing-masing bagi menghasilkan input kepada Jabatan. Seharusnya kita semua sudah bersiap siaga menghadapi pengaruh globalisasi, liberalisasi ekonomi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi ke atas segenap aspek kehidupan kita kini sangat ketara. Oleh kerana itu jugalah kita perlu menilai kaedah atau cara kita bermasyarakat, melaksanakan aktiviti dan program Jabatan sehari-hari dapat terus mewujudkan perubahan positif dengan pesatnya dengan perkembangan-perkembangan ini. Ini juga adalah selaras dengan lima teras utama yang telah digariskan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia pada 31 Mac 2006 dalam RMK9, salah satunya ialah untuk meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai lebih tinggi di samping dapat meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'Minda Kelas Pertama'.

Warga kerja Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia perlu sentiasa peka kepada perubahan-perubahan yang berlaku di dalam persekitaran ini. Sebagai sebuah Jabatan yang bertanggungjawab terhadap membangun dan memperkasa Institusi Kehakiman Syariah di negara ini serta berusaha bagi melahirkan para Pegawai dan Kakitangan skim perkhidmatan syariah yang mempunyai ketinggian intelek yang berdaya saing, berintegriti, berakhlik mulia dan mampu memenuhi aspirasi negara serta menjadikan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu bertaraf dunia, JKSM dan juga JKSN sentiasa berusaha untuk memberi maklumat dan menyediakan perkhidmatan secara cepat dan menjadi keperluan pelanggannya.

Saya menaruh harapan melalui penggunaan laman ini. JKSM dapat menyumbang ke arah mewujudkan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk masyarakat 'Minda Kelas Pertama' bagi melahirkan masyarakat yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Saya mengalu-alukan pandangan yang membina untuk memantapkan lagi pengurusan dan kemudahan yang disediakan ini. Sentiasalah melaksanakan tugas dengan ikhlas atas nama agama Allah S.W.T.

Sekian terima kasih. Wassallam.

( DATUK HAJI IBRAHIM BIN LEMBUT )

# KANDUNGAN

BULETIN JKSM FEBRUARI 2008

## AKTIVITI JKSM

2\_dari Ketua Pengarang

3\_perutusan Ketua Pengarah/  
Ketua Hakim Syarie JKSM

16-17\_lawatan ke JKSM

5\_KURSUS KESELAMATAN MAKLUMAT  
(ZON TENGAH)

6\_BENGKEL  
MANUAL PROSEDUR KERJA (MPK)  
JKSM

6\_MESYUARAT BENGKEL  
KAMUS DATA ISLAM (DDSA)

7\_MESYUARAT KETUA HAKIM SYARIE  
SELURUH MALAYSIA KALI KE 44

7\_MESYUARAT  
LEMBAGA PENASIHAT  
JURNAL HUKUM KALI KE 11

8\_KURSUS PEMAHAMAN DAN TATACARA  
JENAYAH

9\_MAHHABAH : PERJELAS ISU MAHKAMAH  
SYARIAH

10\_MAJLIS PENYERAHAN HASIL KAJIAN  
PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN  
PERINTAH NAFKAH DI MAHKAMAH  
SYARIAH DI SELURUH MALAYSIA  
(2001 – 2005)


12\_KELAS PENGAJIAN TAFAQQUH  
ZON UTARA SIRI 1/2008

14\_BENGKEL PEMAHAMAN UNDANG-  
UNDANG KETERANGAN

15\_LAWATAN KE MAHKAMAH TINGGI SABAH  
DAN SARAWAK DI KUCHING , SARAWAK

PERBINCANGAN BERSAMA JABATAN  
KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA DAN  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

18\_MAJLIS MAHHABAH JKSM PERINGKAT  
NEGERI KEDAH



Cawangan Latihan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mengadakan Kursus Keselamatan Maklumat (Zon Tengah) pada 23hb – 28hb Februari 2008 yang bertempat di Hotel Ancasa Kuala Lumpur.

OBJEKTIF KELAS INI ADALAH SEPERTI BERIKUT :

1. Meningkatkan tahap pengetahuan, kefahaman Pegawai Syariah terhadap kepentingan keselamatan maklumat dan perlindungan maklumat dari perspektif ancaman keselamatan maklumat
2. Memberi penjelasan tentang landskap ancaman keselamatan serta penghayatan kepentingannya
3. Membangun, melaksana dan memperbaharui sistem pengurusan keselamatan maklumat JKSM.

TENAGA PENGAJAR

1. Puan Siti Zubaidah bt. Mohd Khalid
2. Encik Roselan bin Mohammed
3. Encik Mohd Foudzli bin Abdullah
4. Encik P. Terence Selvakumar

PESERTA

Terdidi dari Pegawai Syariah seramai 36 orang.

BENGKEL  
MANUAL PROSEDUR KERJA (MPK)  
JKSM



27-29 FEBRUARI 2008  
HOTEL ANCASA, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN



MESYUARAT BENGKEL  
KAMUS DATA ISLAM  
(DDSA)

29 FEBRUARI 2008  
BILIK MESYUARAT UTAMA JKSM  
PUTRAJAYA



## MESYUARAT KETUA HAKIM SYARIE SELURUH MALAYSIA KALI KE 44



12 FEBRUARI 2008  
BILIK MESYUARAT UTAMA JKSM PUTRAJAYA



## MESYUARAT LEMBAGA PENASIHAT JURNAL HUKUM KALI KE 11



21-23 FEBRUARI 2008  
HOTEL CONCORDE, SHAH ALAM  
SELANGOR



Lembaga Penasihat Jurnal Hukum JKSM telah mengadakan mesyuarat pertama bagi tahun 2008 pada 21 hingga 23 Februari, 2008 bertempat di Hotel Concorde Shah Alam, Selangor. Mesyuarat dipengerusikan oleh Y.Bhg. Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman yang turut dihadiri oleh Y.A.A. Datuk Haji Ibrahim bin Lembut, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM yang juga selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Penasihat. Mesyuarat kali ini telah berjaya membuat rumusan bagi penerbitan Jurnal Hukum keluaran Jilid 25 Bhg. 2 (April) serta Jilid 26 Bhg. 1(Jun).

## KURSUS PEMAHAMAN DAN TATACARA JENAYAH



Cawangan latihan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mengadakan Kursus Pemahaman dan Tatacara Jenayah mulai pada 12hb – 15hb Februari 2008 bertempat di Hotel Seri Malaysia Melaka.

Tujuan kursus ini adalah untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran serta berkaitan dengan Undang-Undang Jenayah Syariah dan Tatacara Jenayah Syariah.

### OBJEKTIF KURSUS :

1. Memberikan kefahaman serta pendedahan mengenai Undang-Undang Jenayah Syariah yang berkuatkuasa di Malaysia dan Tatacara yang digunakan di Mahkamah;
2. Meningkatkan kemahiran dalam mengendalikan proses kerja berkaitan Undang-Undang Jenayah Syariah dan Tatacara yang digunakan di Mahkamah Syariah;
3. Membolehkan peserta bertukar-tukar pendapat serta berkongsi pengalaman dan ilmu mengenai ilmu bidang tugas masing-masing.

Program ini telah dikendalikan oleh pegawai-pegawai Kanan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang berkhidmat di Kehakiman Syariah Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri sebagai Ketua Pendaftar, Hakim Mahkamah Rendah dan Tinggi Syariah dan Ketua Pendakwa Syarie yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang masing-masing iaitu perundangan dan kehakiman Islam pengajar yang terlibat adalah seperti berikut:

**ZULFIKRI YASOA (HMT,MSWP)**

Tajuk Ceramah: *Kesalahan Jenayah Syariah yang terdapat di dalam Undang-Undang*

**MOHD FOUZI MOKHTAR (HMR, JAKESS)**

Tajuk Ceramah: *Kesalahan Jenayah Syariah yang terdapat di dalam; -*

*Undang-Undang Pentadbiran Islam Agama Islam*

*Undang-Undang Keluarga Islam (penalty)*

*Undang-Undang Tatacara Jenayah*

**SHAMSUDDIN HUSSAIN (Ketua Pendakwa JAWI)**

Tajuk Ceramah: *Undang-Undang Tatacara Jenayah*

**ABDUL RAZAK NAYAN (Ketua Pendaftar,JKSNS )**

Tajuk Ceramah: *Prosedur Semakan dan Rayuan Jenayah Syariah*

## Mahabbah : Perjelas Isu Mahkamah Syariah



Seperti yang dirancangkan, program Mahabbah JKSM telah memulakan siri jelajahnya bagi tahun 2008 menemui masyarakat negeri Kedah Darul Aman. Dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, ia telah berlangsung di Dewan Sultan Muadzam Shah, Kolej Universiti Insaniah, Alor Setar.

Majlis telah disempurnakan oleh Y.A.A Datuk Hj Ibrahim B Lembut, Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie JKSM yang turut menyampaikan ucaptama bertajuk 'Peranan JKSM dan Mahkamah Syariah Dalam Menyelesaikan Masalah Pihak Bertikai'. Dalam ucapannya beliau menyatakan program Mahabbah ini telah dijalankan sejak tahun 2006 sebagai platform untuk JKSM dan Mahkamah Syariah berinteraksi secara langsung dalam permasalahan berkaitan isu perundangan syariah. "Dengan adanya program mahabbah, JKSM berharap dapat mengubah pandangan negatif masyarakat terhadap Jabatan dan Mahkamah Syariah. Semoga selepas ini tiada lagi label 'kereta lembu' kepada segala tindakan mahkamah syariah", tambah beliau lagi.

Hampir 700 orang peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar kolej Insaniah, imam-imam, kakitangan kerajaan persekutuan dan negeri serta badan-badan NGO telah menyertai program. Beberapa orang peserta yang ditemui menyambut baik usaha positif JKSM dan JKSN mengadakan program mahabbah yang dilihat sebagai kesungguhan dan ketelusan mahkamah syariah menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Malah ada yang mencadangkan agar program bersiri ini diadakan di peringkat daerah bagi memberi ruang kepada lebih ramai kehadiran kaum wanita di pinggiran bandar dan imam-imam masjid khususnya. Orang ramai yang hadir telah memperolehi pelbagai informasi melalui aktiviti dan pameran yang diadakan oleh JKSM, JKSN Kedah dan beberapa jabatan Islam dan agensi yang berkaitan. Selain itu jabatan turut memberi peluang kepada mereka untuk meleraikan kemasukan mereka mengenai peranan, sistem dan isu mahkamah syariah seluruh Malaysia melalui sesi dialog yang diadakan di akhir sesi ceramah dan forum.

Turut hadir Y.A.A Datuk Sheikh Yahaya Hj Jusoh, Ketua Hakim Syarie Negeri Kedah yang telah menyampaikan ceramah bertajuk 'Isu-Isu Pengendalian Kes di Mahkamah Syariah'. Manakala sesi forum pula dipengerusikan oleh Tuan Hj Walid B Abu Hassan, Peguam Kanan Syarie Persekutuan dengan panel tetapnya terdiri daripada Y.A Dato' Hj Muhammad Asri B Abdullah; Hakim Mahkamah Rayuan JKSM, Tuan Zainul Rijal B Abu Bakar, Presiden Persatuan Peguam Syarie dan Prof Dr Najibah Bt Mohd Zin dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

MAJLIS PENYERAHAN  
HASIL KAJIAN PELAKSANAAN  
DAN PENGUATKUASAAN PERINTAH NAFKAH  
DI MAHKAMAH SYARIAH DI SELURUH MALAYSIA  
(2001 – 2005)



# Majlis Penyerahan Hasil Kajian Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Perintah Nafkah di Mahkamah Syariah di Seluruh Malaysia (2001 – 2005)

Majlis Penyerahan Hasil Kajian Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Perintah Nafkah di Mahkamah Syariah di Seluruh Malaysia (2001 – 2005)

Cawangan Penyelidikan, JKSM telah mengadakan Majlis Penyerahan Hasil Kajian Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Perintah Nafkah di Mahkamah Syariah di Seluruh Malaysia (2001 – 2005) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, JKSM. Hasil kajian ini diserahkan oleh pihak IIUM Entrepreneurships & Consultancies Sdn. Bhd. (IECSB) selaku perunding yang dilantik oleh JKSM khusus untuk kajian ini

Majlis ini dihadiri oleh Ketua Pengarah merangkap Ketua Hakim Syarie, JKSM iaitu YAA Datuk Haji Ibrahim bin Lembut; Ketua Pendaftar JKSM, Tuan Mohamad bin Haji Abdullah; Pegawai Penyelidik Kanan JKSM, Tuan Mohd Amran bin Mat Zain; Pengarah Penyelidikan JKSM, Tuan Mohd Asri bin Mohd Tahir, Penolong Pengarah Penyelidikan JKSM dan Penolong Pegawai Syariah Cawangan Penyelidikan manakala pihak IECSB diwakili oleh Professor Dato' Dr. Zaleha binti Kamaruddin selaku Ketua Perunding, Dr. Azizah binti Mohd sebagai perunding perundangan dan seorang pegawai projek.

Majlis dimulakan dengan ucapan pembukaan dan perkenalan dari YAA Datuk Haji Ibrahim bin Lembut. Dalam ucapan pembukaannya, YAA Datuk mengucapkan terima kasih kepada pihak IECSB kerana berjaya menyiapkan kajian ini dalam masa yang ditetapkan dan berharap agar usaha dan kerjasama yang dijalankan ini dapat menghasilkan natijah yang bermanfaat kepada semua pihak.

Aktiviti lawatan diharap ini akan dapat dijadikan sebagai satu titik permulaan dalam mewujudkan hubungan dan jalinan kerjasama yang lebih erat di antara kedua-dua Jabatan. Sekalung penghargaan buat kakitangan Jabatan Penjara Malaysia di atas layanan mesra dan juga kerjasama yang diberikan sepanjang sesi lawatan berlangsung.

## KELAS PENGAJIAN TAFAQQUH ZON UTARA SIRI 1/2008



Kelas Pengajian Tafaqquh Zon Utara Siri 1/2008 Cawangan latihan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mengadakan Kelas Pengajian Tafaqquh Zon Utara Siri 1/2008 pada 22hb – 25hb Februari 2008 yang bertempat di Hotel Cititel Pulau Pinang.

Objektif kelas ini adalah seperti berikut :

\*Memberikan Pemahaman Mengenai Istilah-Istilah Fiqh Dan Syara', Disiplin Ilmu Nahu, Saraf Dan Teknik-Teknik Pembacaan Kitab-Kitab Turath.

\*Melatih Dan Mendalami Teknik Yang Sahih Tentang Kaedah-Kaedah Menginstinbat Hukum Syarak Dari Sumber Yang Muktabar.

\*Bertukar-Tukar Pengalaman Dan Ilmu Dalam Menyelesaikan Isu-Isu Semasa Yang Berbangkit Semasa Menjalankan Tugas Dan Melaksanakan Prosiding Perbicaraan Di Mahkamah.

## Kelas Pengajian Tafaqquh Zon Utara Siri 1/2008



### TENAGA PENGAJAR

Seramai tiga (3) orang tenaga pengajar yang pakar dalam bidang hukum syarak dan seorang (1) pakar Bahasa Arab akan menjalankan tanggungjawab tersebut secara bergilir-gilir mengikut jadual yang telah dipersetujui ialah:

**SS DATO' HJ HASSAN BIN HJ AHMAD**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
*Kitab Mughni al-Muhtaj- Bab al-Qada'*


**Y.BHG. DATO' HJ MOHD SALLEH BIN AHMAD**  
Fellow Kanan, Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
*Kitab Iqna'- Bab al-Wakalah/Wakaf/Wasiat*

**Y.BHG USTAZ YAACOB BIN ISMAIL**  
Fellow Kanan Kulliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, UIA  
*Kitab Mughni al-Muhtaj- Bab al-Talaq*

**Y.BHG USTAZ ROZUKI BIN ARIFFIN**  
Pensyarah Pusat Bahasa, UIA  
Bahasa Arab Nahu & Saraf

### Peserta

Terdiri daripada Pegawai Syariah yang bertugas sebagai Hakim Syarie, Peguam Syarie dan Pendakwa Syarie bagi negeri Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Perlis seramai 48 orang.



Cawangan latihan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mengadakan Bengkel Undang Undang Keterangan mulai pada 11hb – 14hb Februari 2008 bertempat di De Palma Ampang, Selangor. Matlamat utama program ini ialah untuk memberikan dan meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman dalam aspek tertentu Undang-Undang Keterangan agar satu penghakiman yang mantap dan berwibawa dapat dikeluarkan oleh mahkamah.

**OBJKTIF BENGKEL INI ADALAH SEPERTI BERIKUT :**

- \*Meningkatkan tahap kefahaman Pegawai Syariah dalam beberapa aspek tertentu dalam Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah secara praktikal;
- \*Memberi peluang kepada Pegawai Syariah bertukar-tukar pandangan dari sudut pemakaian Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah;
- \*Membolehkan Pegawai Syariah berkongsi pengalaman agar suatu keselarasan dapat dirumuskan secara berkesan. Bengkel 4 hari ini dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Zulfakar Bin Ramli, Pengajar Undang-Undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Peserta bengkel adalah terdiri daripada Pegawai-pegawai Syariah dalam gred LS 41 yang baru dilantik seramai 23 orang.

## LAWATAN KE MAHKAMAH TINGGI SABAH DAN SARAWAK DI KUCHING , SARAWAK



Cawangan Penyelidikan, JKSM telah menganjurkan lawatan ke Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak di Kuching Sarawak bagi melihat pelaksanaan dan penggunaan kemudahan persidangan video di Mahkamah. Lawatan ini adalah rentetan dari kajian yang sedang dijalankan oleh JKSM iaitu Kajian Pelaksanaan dan Penggunaan Kemudahan Persidangan Video di Mahkamah Syariah.

Peserta lawatan terdiri daripada Ketua Pendaftar, Pengarah Penyelidikan, Pengarah Teknologi Maklumat, Pegawai Penyelidik dan Pegawai Teknologi Maklumat di JKSM. Turut serta dalam lawatan tersebut ialah Ketua Hakim Syarie dan Pendaftar di Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak.

Hadir sama dalam majlis taklimat tersebut ialah Y.A. Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum, Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak serta Pengarah Syarikat Sarawak Information Systems Sdn. Bhd (SAINS).

Tujuan lawatan adalah seperti berikut:

- i) Mendedah dan meningkatkan pengetahuan peserta mengenai pelaksanaan dan penggunaan kemudahan persidangan video di Malaysia.
- ii) Mendapatkan input berkaitan pelaksanaan persidangan video; dan
- iii) Membuat rumusan dan cadangan kepada pihak pengurusan tertinggi JKSM mengenai cadangan penggunaan kemudahan persidangan video di Mahkamah Syariah.

## PERBINCANGAN BERSAMA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA DAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



Satu sesi perbincangan bersama di antara JAKIM dengan JKSM telah diadakan pada 14 Februari, 2008 / 7 Safar, 1429H bertempat di Bilik Mesyuarat Utama JKSM, Aras 3, Blok D7, Putrajaya. Pengurusan atasan JAKIM seramai 13 orang diketuai oleh Ketua Pengarah Y.Bhg. Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz telah menghadiri sesi perbincangan bersama berkenaan dengan pengurusan atasan JKSM yang diketuai oleh Y.A.A. Datuk Haji Ibrahim bin Lembut, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM. Di antara hasil perbincangan adalah persetujuan pihak JAKIM untuk menjemput beberapa pegawai JKSM untuk turut serta di dalam sebarang aktiviti berkaitan penyelarasan undang-undang Islam dengan tujuan melicinkan lagi keberkesanan yang dilaksanakan oleh kedua-dua agensi berkenaan. Tahniah diucapkan di atas kejayaan usaha merapatkan lagi hubungan di antara kedua-dua agensi hal ehwal Islam dalam memperkembangkan syiar Islam di negara ini.

14 FEBRUARI 2008  
BILIK MESYUARAT JTA/JA/JCA  
PUTRAJAYA



Program Perkampungan Hadhari  
Peringkat Negeri Terengganu  
Tahun 2008

Panggilan Pulau Wan Man Terengganu





Pulau Wan Man Terengganu telah menggambit kunjungan ratusan ribu pengunjung. Demikianlah yang dapat digambarkan kehadiran pengunjung sempena Program Perkampungan Hadhari Peringkat Negeri Terengganu Tahun 2008 yang telah pun berlangsung dengan gilang gemilang pada 1 - 9 Februari yang lalu di Pulau Wan Man Terengganu. Istimewanya lokasi ini kerana disinilah terletaknya Taman Tamadun Islam yang menampilkan kehebatan 21 monumen seni bina Islam yang terulung di dunia. Di samping itu keindahan ini diserikan lagi dengan tersergamnya indah Masjid Kristal yang menjadi kebanggaan negara.

JKSM dengan kerjasama JKSN Terengganu tidak ketinggalan melakar sejarah ini dengan menyertai pameran Islam Hadhari bersama dengan jabatan dan agensi-agensi Islam yang lain seperti JAKIM, YAPEIM, JAWHAR dan MAWIP. Pameran telah berlangsung bermula jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Seperti biasa JKSM telah mengadakan pameran yang memaparkan maklumat mengenai jabatan, penggunaan dan aplikasi portal e-syariah serta penerangan berkaitan majlis Suhu yang bertujuan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas kepada masyarakat tentang fungsi, hasil kekuatan dan kejayaan kedua-dua perkhidmatan ini dalam usaha meningkatkan martabat mahkamah syariah seluruh Malaysia. Hampir 5,000 pengunjung telah mengunjungi pameran untuk mendapatkan maklumat mengenai perundangan syariah dan sistem e-syariah.

Pameran JKSM turut menerima kunjungan tetamu-tetamu kehormat seperti, Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Idris Jusoh, Dato' Abdullah Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan ahli-ahli Majlis Fatwa Kebangsaan yang terdiri dari kalangan mufti-mufti negeri.

Selama sembilan hari berlangsung, ratusan ribu pengunjung telah mengunjungi perkampungan hadhari ini untuk melihat lebih dekat lagi Taman Tamadun Islam yang mencuri tumpuan di samping mendekati dan menghayati pengertian konsep Islam Hadhari. Selain pameran Islam Hadhari, program ini turut menampilkan pameran angkasawan yang mempamerkan ciptaan-ciptaan ulung ilmuwan Islam. Antara lain pengisian program adalah, bacaan ayat-ayat suci Al Quran oleh imam-imam besar dari Madinah, Mesir dan Iran selepas maghrib di Masjid Kristal, Forum Perdana Ehwal Islam secara langsung, Malam Kesenian, rakaman program Halaqah, kuiz dan pelbagai aktiviti menarik yang bersesuaian untuk semua lapisan masyarakat. Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah merasmikan Taman Tamadun Islam sekaligus melancarkan Program Perkampungan Hadhari pada 3 Februari jam 8.30 malam.